

Produk McDonald's 100 peratus halal

NORSHAHZURA MAT ZUKI

MCDONALD'S Malaysia, semalam, menafikan produk yang dihidangkan di restoran miliknya mengandungi bahan tidak halal LM 10 seperti didakwa segelintir pihak di laman media sosial sebelum ini.

Pengarah Urusan McDonald's Malaysia, Stephen Chew berkata, dakwaan itu sama sekali tidak benar dan menegaskan restoran tersebut tidak menggunakan bahan itu dalam mana-mana produk mereka.

Menurutnya, produk McDonald's termasuk sos yang diimport disahkan halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan pihak berkuasa halal lain yang mendapat pengiktirafan Jakim.

"Pelanggan boleh menikmati hidangan kami dengan rasa yakin kerana ia disediakan dan dibekalkan memenuhi ketetapan pihak berkuasa dan Kementerian berkaitan.

"McDonald's Malaysia mendapat sijil halal pada 1990," katanya pada sidang media selepas pelancaran Burger GCB di Kuala Lumpur, semalam.

Chew berkata, McDonald's sendiri mempunyai Jawatankuasa Halal Dalamannya yang diketuai Pengarah Guaman McDonald's Malaysia, Wan Mohd Zam Wan Embong untuk memastikan produk dikeluarkan mematuhi keperluan syariah dan halal yang ditetapkan Jakim.

"Jawatankuasa ini ditubuhkan awal tahun ini dan bertanggungjawab memastikan produk McDonald's adalah 100 peratus halal. Ia dianggotai empat jabatan iaitu Jabatan Pembekalan McDonald's, Jaminan Halal, Operasi dan Sumber Manusia yang kesemua kakitangannya beragama Islam.

"Mereka juga dipantau oleh dua agamawan iaitu seorang pensyarah dari Universiti Putra Malaysia dan seorang imam di sebuah masjid di Kuala Lumpur," katanya.

Chew berkata, pihaknya tidak bercadang mengambil tindakan undang-undang terhadap individu yang menyebarkan dakwaan itu sebaliknya akan terus mendidik rakyat di negara ini mengenai produk mereka.

Dalam sidang media sama, Chew menjelaskan bahawa sehingga kini, terdapat 500 restoran McDonald's di seluruh negara dan syarikat itu dijangka membuka empat lagi cawangan tahun ini dan 40 cawangan tahun depan dengan nilai pelaburan RM100 juta.



FOTO: SAFWAN MANSOR

Chew mempamerkan set Burger GCB selepas pelancaran hidangan bermusim itu di restoran McDonald's cawangan Mutiara Damansara, semalam.